

Minoriti Islam perlu bersatu

UM 24 MAR 2002

Daripada
MOHD. KAMIL YUSUFF

GDANSK (Poland) 23 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihati minoriti Islam di luar negara supaya bersatu dan bekerja keras bagi membolehkan mereka menjadi lebih kuat dan dihormati oleh orang lain.

Menurut Perdana Menteri, umat Islam perlu melihat kenyataan bahawa mereka yang miskin akan terus ketinggalan dan ditindas oleh golongan yang lebih kaya dan berpengaruh.

“Adalah penting bagi mi-

noriti Islam di sesebuah negara membuktikan bahawa mereka adalah golongan yang kuat dan tidak mudah diperlekehkan,” kata beliau semasa berucap sebelum menunaikan sembahyang Jumaat di sebuah masjid di Gdansk-Oliwa dekat sini, kira-kira 300 kilometer dari Warsaw, semalam.

Beliau turut menyampaikan sumbangan derma Kerajaan Malaysia sejumlah RM19,000 (AS\$5,000) kepada imam masjid tersebut untuk pembangunan dan aktiviti masjid berkenaan.

Terdapat kira-kira 200 orang penduduk Islam di kawasan tersebut.

Selepas solat, Dr. Mahathir turut bersalam-salaman dengan masyarakat Islam tempatan sebelum menghadiri jamuan makan tengah hari bersama Gabenor Pomerania, J.R. Kurylczyk.

Dr. Mahathir kemudiannya mengambil kesempatan melawat bandar bersejarah Gdansk sebelum berlepas pulang ke ibu negara Poland.

Sebelum itu, pada sebelah pagi, Dr. Mahathir dan rombongan menyaksikan demonstrasi kapal penyelamat tentera laut Poland dan helikopter penyelamat marin.

Dalam demonstrasi kira-

kira setengah jam itu, empat buah helikopter penyelamat yang boleh mendarat di atas air menunjukkan keupayaan menyelamat mangsa di laut.

Beliau juga dibawa melawat limbungan kapal tentera laut Poland di Gdynia dekat sini dan melihat kerja-kerja pembinaan dan pembaikan kapal di limbungan tersebut.

Khamis lalu, Perdana Menteri berkata, kerajaan mungkin menggunakan beberapa sistem pertahanan Poland untuk Angkatan Tentera Malaysia kerana republik tersebut mempunyai kepakaran dalam sistem pertahanan. — *Mingguan*